

KOPERASI GURU-GURU MALAYSIA BERHAD

Kepada : Semua Anggota KGMB
Daripada : Pihak Pengurusan KGMB

PERKARA: PERTUKARAN PELAN PERLINDUNGAN INSURANCE DARIPADA MCIS INSURANCE (IKHTIARI) KEPADA GREAT EASTERN TAKAFUL (GET-REV)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Dimaklumkan bahawa pihak Koperasi telah menjalankan kajian dan penilaian menyeluruh terhadap plan perlindungan insurans sedia ada bagi memastikan kebajikan dan kepentingan anggota sentiasa terpelihara. Sehubungan itu, satu keputusan telah dibuat untuk menukar plan perlindungan daripada **MCIS Insurance (Ikhtiari)** kepada **Great Eastern Takaful (GET-REV)** bermula pada **1 Jun 2026**.

Tujuan utama pertukaran ialah untuk perlindungan insurans kepada Takaful, yang mana plan GETREV ini adalah 100% patuh Syariah.

Jumlah manfaat yang ditawarkan plan GET-REV adalah sama dengan MCIS Ikhtiari. Walaubagaimanpun plan **GET-REV** menawarkan beberapa kelebihan yang seperti di bawah :-

1. Skop Perlindungan

Walaupun kedua-dua plan menyediakan manfaat asas seperti kematian, hilang upaya kekal, penyakit kritikal, kemalangan diri dan elaun hospital, plan GET-REV menawarkan kelebihan tambahan seperti:

- a) Perlindungan sehingga **50 penyakit kritikal** di bawah GET-REV
- b) Manfaat kematian disebabkan penyakit sedia ada dengan bayaran **50% dalam tahun pertama dan 100% selepas 1 tahun** di bawah GET-REV
- c) Had kemasukan hospital sehingga **500 hari** sepanjang tempoh perlindungan di bawah GET-REV.

2. Fleksibiliti Kewangan

- a) GET-REV membenarkan pengeluaran sebahagian dibenarkan dengan minimum RM100 dan syarat baki minimum sebanyak RM 100.

3. Kemudahan Digital

- a) GET-REV menyediakan **portal pelanggan** bagi memudahkan akses maklumat perlindungan

Sehubungan itu, semua anggota dimohon untuk mengambil maklum mengenai perkara ini dan kerjasama dan sokongan semua anggota dalam perkara ini amatlah dihargai demi memastikan perlindungan yang lebih baik untuk kebajikan bersama.

Mohon untuk menghubungi pihak Koperasi sekiranya anggota mempunyai sebarang pertanyaan atau mendapat maklumat lanjut mengenai perkara ini.

SOALAN LAZIM
NOTIFIKASI PERUBAHAN PERUBAHAN PENYEDIA INSURANCE
MCIS INSURANCE KEPADA GREAT INSURANCE TAKAFUL BERHAD

1. Apakah KGMB Insurance/Takaful?

KGMB Insurance/Takaful merupakan pelan perlindungan untuk anggota koperasi dengan caruman RM10 sebulan bagi setiap anggota.

2. Apakah perubahan yang berlaku?

Pelan perlindungan akan ditukar daripada MCIS Insurance (Ikhtari) kepada Great Eastern Takaful (GET-REV) bermula 1 Jun 2026.

3. Mengapa pelan ditukar?

Pertukaran dibuat bagi memastikan perlindungan lebih komprehensif, menjaga kebajikan anggota dan menyediakan pelan 100% patuh Syariah.

4. Adakah caruman berubah?

Tidak. Caruman kekal RM10 sebulan bagi setiap anggota

5. Adakah manfaat berubah?

Tidak. Manfaat asas seperti kematian, hilang upaya, penyakit kritikal dan elaun hospital kekal sama seperti di bawah :-

Caruman Bulanan		RM10
Kematian	Biasa	RM10,000
	Kemalangan	RM20,000
Hilang Upaya Kekal (TPD)	Biasa	RM10,000
	Kemalangan	RM20,000
Hilang Separa Kekal (PPD)		RM10,000
Elaun Harian Hospital		RM10
Khairat Kematian	Anggota	RM2,000
	Pasangan	RM1,000
	Anak	RM1,000
50 Jenis Penyakit Kritikal		RM10,000

6. Apakah kelebihan pelan baru di bawah Great Eastern Takaful Berhad?

Antara kelebihan termasuk perlindungan 50 penyakit kritikal, manfaat penyakit sedia ada, had hospital sehingga 500 hari, manfaat kematian segera, fleksibiliti pengeluaran dan portal pelanggan digital.

Tambahan Manfaat Khairat Kematian

- a) Pasangan: RM1,000
- b) Anak: RM1,000 (untuk kematian 3 anak)

7. Perlukah Anggota mengambil tindakan?

Tiada tindakan diperlukan. Anggota hanya perlu mengambil maklum perubahan ini.

8. Siapa perlu dihubungi?

Anggota boleh menghubungi pihak koperasi untuk maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan.